

Program kejuruteraan UM ke-15 terbaik dunia

Berita Harian (Nasional) 24/10/19

Kuala Lumpur: Universiti Malaysia (UM) tersenarai pada kedudukan ke-15 universiti terbaik dunia bagi program kejuruteraan yang diumumkan semalam.

Pencapaian itu diumumkan menerusi portal berita, *US News & World Report* dengan skor 84.1.

Menurut portal itu, semua universiti tersenarai mempamerkan kekuatan dalam penghasilan kajian dalam pelbagai topik kejuruteraan, termasuk kejuruteraan angkasa, kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan elektrik dan kejuruteraan awam.

Penilaian itu juga dilakukan berdasarkan penggunaan konsep kejuruteraan asas menggunakan sains dan matematik dalam menyelesaikan masalah.

Selain UM, turut tersenarai di tempat ke-40 adalah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), manakala Universiti Kebangsaan Malaysia (147), Universiti Sains Malaysia (193), Universiti Putra Malaysia (220), Universiti Tenaga Nasional (253), **Universiti Malaysia Pahang (271)**, Universiti Teknologi Petronas (285), Universiti Teknologi MARA (464) dan Universiti Malaysia Perlis (654).

Pemilihan itu berdasarkan 13 indikator termasuk reputasi kajian kejuruteraan global, reputasi kajian kejuruteraan setempat, penerbitan kejuruteraan, kolaborasi kejuruteraan antarabangsa dan peratusan penerbitan.

Berdasarkan *US News & World Report*, UM turut diletakkan di tempat ke-27 sebagai universiti terbaik pada peringkat Asia dan universiti tempatan terbaik di negara ini.

Sementara itu, Dekan Fakulti Kejuruteraan UM, Prof Dr Saad Mekhilef berkata, pencapaian itu membuktikan program kejuruteraan UM menjadi antara terbaik di dunia dari segi kualiti kajian dan hasil kerja penyelidikan di fakulti itu.

“Selain itu, faktor kejayaan ini adalah hasil dedikasi dan kerja keras kakitangan serta pelajar fakulti sendiri, selain sokongan daripada pengurusan UM.

“Kami tidak mempunyai rahsia kecuali melaksanakan kajian berkualiti tinggi dan menerbitkannya dalam jurnal terbaik yang kemudiannya menarik perhatian pihak terbabit,” katanya.

Saad berkata, pihak fakulti akan terus memperbaiki pencapaian memandangkan kedudukan terbaik di tangga ke-15 ini adalah satu persaingan sengit yang bersifat dinamik.

“Kami bersedia mengekalkan kedudukan ini dengan mencipta budaya kerja terbaik dan menghasilkan kajian berkualiti yang memberi impak tinggi,” katanya.